



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**22 SEPTEMBER 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 178 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 393,671 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 142 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 385,557 orang. Manakala 223 pesakit sedang menerima rawatan di hospital. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 12 orang iaitu sembilan (9) orang di ICU/repurposed kritikal *care* dan tiga (3) orang di open ward (HDW/kubikel akut) manakala lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 11 daerah
- Zon tiga (3) daerah
- Zon Merah 13 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Angka jangkitan baharu meningkat 26 kes kepada 178 hari ini. Ini berpunca daripada peningkatan kadar positifiti daripada 8.22% kelmarin kepada 8.86% hari ini walaupun jumlah sampel ujian berkurangan daripada 2,238 kepada 2,155.
- b. Jumlah kes baharu di Kota Kinabalu meningkat hampir dua (2) kali ganda, daripada 45 kes kelmarin kepada 83 kes hari ini. Ini merupakan 46.6% daripada jumlah keseluruhan jangkitan baharu di Sabah.
- c. Selain Kota Kinabalu, empat (4) daerah lain merekodkan jangkitan baharu dua (2) angka, iaitu Kota Marudu 15 kes (+12), Tawau 15 kes (-3), Tuaran 13 kes (-3) dan Penampang 10 kes (+4). Kota Marudu hanya merekodkan tiga (3) kes kelmarin. Tujuh (7) daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu.
- d. Sebanyak 177 daripada 178 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, serta satu (1) kes dalam Kategori 3.

**ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	35	19.66%
3	Bergejala	132	74.16%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	11	6.18%
<b>JUMLAH</b>		<b>178</b>	<b>100%</b>

**B.** Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/09/2022	Catatan Kes 22/09/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	45	83	+38
2	Kota Marudu	3	15	+12
3	Penampang	6	10	+4
4	Nabawan	0	2	+2
5	Semporna	0	2	+2
6	Kota Belud	2	3	+1
7	Kalabakan	0	1	+1
8	Sipitang	3	3	Mendatar
3	Keningau	4	4	Mendatar
10	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
11	Tongod	0	0	Mendatar
12	Tenom	3	3	Mendatar
13	Pitas	0	0	Mendatar
14	Telupid	0	0	Mendatar
15	Tambunan	1	1	Mendatar
16	Kunak	0	0	Mendatar
17	Papar	8	1	-7
18	Lahad Datu	7	1	-6
19	Tuaran	16	13	-3
20	Putatan	6	3	-3
21	Beluran	4	1	-3
22	Tawau	18	15	-3
23	Kudat	8	6	-2
24	Kinabatangan	2	0	-2
25	Beaufort	2	0	-2
26	Ranau	4	2	-2
27	Sandakan	10	9	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>152</b>	<b>178</b>	<b>+26</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 964 unit.

- Hospital 916 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 23.13%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 SEPTEMBER 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	177
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>178</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	171
Bukan Malaysia	7
<b>Jumlah</b>	<b>178</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	11
Belum Menerima Vaksin (5-11)	4
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	10
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	63
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	89
<b>Jumlah</b>	<b>178</b>

### iii. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	3
1-4	8
5 -11	11
12-17	12
18-29	42
30-39	37
40-49	31
50-59	19
60-69	7
70-79	5
80-89	3
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>178</b>

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**